

Tarikh Dibaca: 16 Disember 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“RASULULLAH SAW CONTOH
TAULADAN IKUTANKU”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***




SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad** (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. **SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. **Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. **Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
6. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
7. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah** (Ahli)
8. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
9. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
10. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor
11. **Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“RASULULLAH SAW CONTOH TAULADAN IKUTANKU”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا
مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ
وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ¹ 
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

¹ Al-JumuaH ; 2



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan pada diri saya dan sekalian yang hadir pada hari ini marilah sama-sama kita istiqamah menunaikan segala perintah-Nya dengan penuh keikhlasan. Mudah-mudahan dengan itu kita semua tergolong dikalangan orang yang beramal soleh dan bertaqwa.

Mimbar jumaat hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"RASULULLAH SAW CONTOH TAULADAN IKUTAN KU"**.

Hadirin Jumaat sekalian.

Bersempena dengan ketibaan bulan Rabiul Awwal tahun ini, sekali lagi mimbar menyeru, marilah sama-sama kita memperbanyakkan ucapan Salawat dan Salam keatas Junjungan Nabi Kita Muhammad SAW pada setiap waktu.

Allah SWT mengutus Rasulullah SAW bagi menunjuk cara yang sempurna untuk manusia hidup berakidah, bersyariat dan berakhlak mengikut al-Quran. Allah SWT memberi balasan keatas setiap amalan manusia sesudah diutuskan Rasul kepada mereka. Sesungguhnya matlamat kehidupan manusia untuk mencapai keredhaan Allah SWT melalui amalan mereka sewajibnya mengikut dan mencontohi apa yang dilakukan oleh Rasul-Nya. Ini dijelaskan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah al-ahzab ayat 21;

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ
يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



“Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu adalah contoh ikutan yang baik (untuk diamalkan) bagi sesiapa yang berharap untuk bertemu Allah dan hari akhirat (dalam keredhaan-Nya) serta banyak berzikir kepada Allah”.

Pengajaran dari ayat tersebut menghendakki kita semua mengambil contoh dan ikutan daripada Rasulullah SAW melalui amalan hidup beragama. Ini juga bertepatan dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik R.Anhu daripada Abu Mus’ab R.Anhu bahawa Baginda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara utama yang tidak akan menyesatkan kamu selama-lamanya selagi mana kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Hikmah ilahiah disebalik diutuskan Rasul adalah bagi membimbing manusia kejalan yang diredhai Allah. Ayat yang dibaca pada pembukaan khutbah ini adalah ayat yang kedua daripada surah al-jumuah yang bermaksud;

“Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah dan kekuasaan-Nya, dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat) serta mengajarkan kepada mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) Dan sesungguhnya mereka sebelum kedatangan Nabi Muhammad adalah dalam kesesatan yang nyata”.

Rasulullah SAW adalah manusia pilihan yang diutus oleh Allah untuk menjadi contoh ikutan kepada umatnya. Baginda dibangkitkan oleh Allah



dan bersamanya diturunkan Al-Quran untuk dibaca, dilaksanakan perintahnya dan disebarakan ajarannya keseluruh alam buana. Tutur kata dan perbuatan Baginda SAW itu dikenali sebagai sunnah (al-hikmah), yang sewajibnya dicontohi dan diikuti samaada pada perintah suruhannya atau larangannya. Allah SWT menegaskan tentang hal ini melalui firman-Nya dalam surah al-Hashr, ayat 7.

...وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ
فَأَنْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

"Dan apa juga perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sepanjang pengutusan Baginda SAW sebagai Rasul Pesuruh Allah SWT, Baginda SAW telah Berjaya menunjuk cara dan mendidik pengikutnya keluar dari kegelapan hidup jahiliyyah. Baginda SAW telah berjaya mengeluarkan pengikutnya dari sistem perhambaan sesama manusia kepada hanya menyembah Allah SWT Yang Maha Esa, daripada berhukum mengikut adat budaya kepada hukum-hukum yang lebih adil berpandukan kitab Al Quran, daripada bebas bersosial mengikut nafsu kepada sistem masyarakat yang lebih bersopan dan bermaruah. Pendek kata apa juga gaya hidup bebas yang kononnya berpaksi kepada hak kebebasan individu



dengan bertunjangkan hawa nafsu semuanya telah di bebaskan oleh Baginda SAW dengan berpandukan Al-Quran.

Hakikatnya itulah kebebasan yang hakiki apabila manusia dapat bebas untuk beribadah dan tunduk patuh kepada sistem yang diturunkan oleh Allah SWT untuk mereka. Seandainya manusia menolak panduan yang ditunjukkan oleh Rasul sebaliknya hanya bergantung kepada akal dan nafsu semata-mata untuk menghayati perintah Allah dalam al-Quran pasti manusia itu tertipu dengan apa yang ada pada akalnya.

Hakikatnya akal manusia tidak mampu menerokai intipati al-Quran kerana ayat-ayatnya bukan sahaja berkait dengan perkara-perkara kehidupan lahiriah (fizikal), bahkan juga berkait dengan perkara-perkara metafizik (ghaibiyat). Akal semata-mata tidak akan dapat mencapai perkara ghaib seperti peristiwa kiamat, kehidupan di padang mahsyar, kehidupan di alam kubur atau barzakh, balasan yang adil atas amalan manusia didunia. Akal juga tidak mampu untuk menyerap peristiwa yang dilalui oleh para Rasul terdahulu yang wajib kita semua percaya dan diimani. Peristiwa yang mereka lalui adalah iktibar penting buat kita semua.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Realitinya manusia amat perlu kepada Rasulullah SAW dan jalan petunjuknya. Ini kerana penjelasan yang benar dan betul cara beriman dengan meyakini akan adanya Hari Akhirat serta perkara-perkara yang berkait dengannya adalah melalui Sunnah Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 36;



وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ
وَأَجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ
حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ
كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat Yang mendustakan Rasul-rasul-Nya".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Ajaran Islam bukan semata-mata untuk menempa kehidupan Akhirat. Hakikatnya kehidupan di Akhirat bermula didunia ini. Segala amalan dan pekerjaan dunia semuanya akan dihitung dan ditunjukkan kepada kita dihari pembalasan. Allah SWT memberi nilai atau balasan atas perbuatan hamba samada baik atau buruk. Segalanya bergantung kepada keyakinan, ketaatan dan keikhlasan kita beramal mengikut Sunnah Nabi SAW seperti mana yang ditunjukkan oleh ulamak yang muktabar yang menjadi pewaris para nabi-nabi.

Rasulullah SAW pernah menyatakan bahawa sahabat-sahabat Baginda ibarat bintang dilangit yang bertaburan menunjuk jalan kepada umat ini.



Mereka itu ada golongan yang mewariskan ilmu kepada pengikut yang ramai sehinggalah Islam telah berjaya merubah kegelapan dunia jahiliyyah kepada dunia terang dengan suluhan Islam dan iman serta keadilan sejagat berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah.

Apa yang menggusarkan kita umat Islam hari ini apabila warisan para ulamak muktabar yang diibaratkan sebagai bintang-bintang yang menunjukkan cahaya kepada seluruh umat manusia telah tidak dipedulikan lagi bahkan dinyahkan dengan pelbagai sangkaan buruk dan fitnah yang melampau keatas mereka. Lebih jauh dari itu umat Islam yang rapuh imannya kepada ajaran Islam meyakini pula fahaman-fahaman seperti ajaran liberal yang mengutamakan ajaran mengikut kebebasan akal mereka dan fahaman plural yang menganggap bahawa semua agama adalah sama, begitu juga fahaman sekular yang mengasingkan urusan agama dengan kehidupan dunia dan komunisme.

Mereka mempromosikan hak asasi manusia yang keterlaluan, hak persamaan gender, hak kebebasan individu, dengan matlamat untuk mencapai keharmonian dan kebahagiaan yang hakiki. Apa yang nyata mereka mahu manusia seluruhnya hidup sebebaskan-bebasnya tanpa kongkongan oleh nilai-nilai agama. Pada mereka akal adalah lebih tinggi daripada wahyu ilahi dan ajaran para rasul yang perlu dihormati.

Tidak kurang juga perkara yang menggusarkan kita adalah, mereka yang kononnya berjuang untuk menegakkan kesucian agama Islam pula sanggup membelakangi ajaran ulama-ulama silam yang muktabar bahkan juga menentang fatwa-fatwa ulama semasa.

Sebagai umat Islam, kita perlu berhati-hati dengan segala tipu daya jerangkap samar yang dipasang oleh musuh-musuh Islam untuk



mengelirukan dan melemahkan pegangan akidah syariah yang kukuh dan pembinaan akhlak yang mulia. Disamping itu berjihadlah dengan bersungguh-sungguh mempelajari ilmu yang ditinggalkan oleh Baginda SAW agar amalan yang kita tunaikan adalah sejajar dengan matlamat yang ingin kita capai iaitu bahagia di dunia dan sejahtera di akhirat serta mendapat keampunan daripada Allah SWT.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar jumaat melaungkan seruan agar;

1. Umat Islam hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Islam yang meliputi akidah, syariah dan akhlak sepertimana yang di ajar oleh Baginda SAW.

2. Umat Islam hendaklah meyakini dengan sebaran ilmu yang dibawa oleh ulama pewaris Nabi SAW dan jangan sekali-kali memperkecilkan sumbangan dan jasa mereka terhadap dakwah dan penyebaran ajaran Islam.

3. Umat Islam hendaklah berusaha mempelajari ilmu agama dan meneladani apa juga yang didatangkan oleh Baginda SAW dari sunnahnya agar kita berada pada landasan hidup yang benar berasaskan keyakinan dan amalan hidup beragama.

4. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Muhammad SAW adalah Rasul yang terakhir yang diutus oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ
وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَقَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

"Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. Dan ingatlah Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu". (al-Ahzab ; 40).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan



ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ



شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم
سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْرٍ، تَعَكُّوْ اَمِيْرِ شَاهِ اِبْنِ
السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah



kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS).

Ya Allah, peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bantulah umat-Mu Rohingya yang sedang diuji dengan ujian dan kezaliman yang amat hebat dan dahsyat, semoga engkau ya Allah menurunkan Izzah kepada saudara kami Rahingya dan menghancurkan rejim kuffar dengan tentera-tentera-Mu ya Allah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
08.12.2016